

01 JUL 1999

PERPADUAN KUNCI KEMAJUAN NEGARA, KATA PAK LAH

BUKIT MERTAJAM, 1 Julai (Bernama) -- Kesediaan rakyat untuk sentiasa bersama pemimpin dan kerajaan adalah kunci kemajuan negara ini, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Badawi.

Katanya negara hanya dapat maju dari satu tahap ke satu tahap lagi jika rakyatnya sentiasa mengutamakan keamanan dan keharmonian dalam kehidupan mereka.

Berucap pada perhimpunann Pemimpin Bersama Rakyat yang dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Sekolah Menengah Guar Perahu di sini, Abdullah berkata rakyat juga sentiasa berpeluang untuk hidup dengan lebih selesa jika mereka terus memelihara keharmonian yang dicapai sebelum ini.

Sementara itu, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dalam ucapannya berkata rakyat negara ini tidak pernah takut dengan kuasa asing kerana mereka mempunyai pemimpin yang berwawasan.

Katanya seluruh rakyat kini memberi sokongan padu kepada Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri kerana yakin beliau mampu membawa negara menempuh cabaran alaf baru.

Majlis itu dihadiri kira-kira 15,000 orang bagi mendengar amanat Perdana Menteri.

Orang ramai tidak berganjak sejak pukul 3 petang walaupun dalam keadaan hujan lebat dan angin kencang.

-- BERNAMA

aa sbj zb